

# UMS masih dikuasai Revolusi Mahasiswa

21.3.2011 P.6 NST

**KOTA KINABALU:** Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Khalil Sabu berkata Revolusi Mahasiswa atau sebelum ini dikenali sebagai **ASPIRASI** telah menempah kejayaan besar pada dalam proses pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar yang lalu.

Namun katanya, terdapat pihak luar yang cuba mengaburi keputusan ini dan membuat kenyataan palsu di dalam akhbar *harakahdaily* dan sebuah media elektronik yang menyatakan Universiti Malaysia Sabah antara lain IPTA yang dikuasai oleh Pro Mahasiswa.

"Kenyataan ini adalah kenyataan yang tidak benar dan tidak berasas, kerana kita telah menang besar dalam kerusi umum dan kerusi fakulti," katanya lagi.

Tambahnya lagi, pilihan raya yang diadakan pada penghujung Februari yang lalu menyaksikan Revolusi Mahasiswa telah memenangi 5 kerusi umum dan 19 kerusi fakulti. Ini menjadikan Revolusi Mahasiswa menang 24 kerusi berbanding Pro-Mahasiswa yang hanya memenangi 8 kerusi.



**KHALIL...** Presiden MPP UMS.

berharap agar tiada pihak luar yang cuba menjejaskan imej MPP UMS dengan memberi kenyataan-kenyataan yang tidak tepat selepas ini.

Sementara itu, Alumni **ASPIRASI UMS**, Muhammad Nor Madih berkata, pihaknya berasa kesal dengan kenyataan itu kerana ianya dibuat tanpa usul periksa atau menggunakan fakta yang betul.

"Saya kesal dengan perkara ini kerana ia sepatutnya tidak berlaku. Malah terdapat IPT yang dikaitkan dengan Parti Politik Luar apabila ada kumpulan-kumpulan tertentu tewas dalam pilihan raya. Ini sememangnya tidak berasas kerana pilihan raya kampus yang berlangsung di seluruh IPT berlangsung secara neutral dan sepatutnya tidak dipengaruhi oleh mana-mana parti politik," tambahnya lagi.

Schubungan itu, Khalil